



PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR)

Bilangan 9 Tahun 2020

KADAR BAYARAN KOLEJ KEDIAMAN SECARA KHAS BAGI SESI MAC-JULAI 2020

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) mengenai kadar bayaran kolej kediaman secara khas bagi sesi Mac-Julai 2020.

LATAR BELAKANG

2. Pihak Universiti melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti ke-167 bertarikh 15 Januari 2019, Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan ke-177 bertarikh 3 Mei 2012, dan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan ke-143 bertarikh 26 Mac 2005 telah meluluskan kenaan bayaran kolej kediaman kepada pelajar-pelajar UiTM.

3. Namun begitu, pada 16 Mac 2020 yang lalu, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 bagi mengekang penularan pendemik COVID-19 di Malaysia.

4. Hasil daripada pengumuman tersebut, pihak Universiti melalui Pekeliling Naib Canselor Bilangan 05 Tahun 2020 telah mengeluarkan arahan pengosongan kolej kediaman. Lanjutan dari itu, majoriti pelajar telah mula pulang ke rumah masing-masing pada 18 Mac 2020 sebelum arahan terbaru melalui Pekeliling Naib Canselor Bilangan 07 Tahun 2020 agar pelajar yang masih berada di kampus untuk terus kekal berada di premis masing-masing selaras dengan arahan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

5. Lanjutan dari arahan tersebut, beberapa siri perbincangan telah dilaksanakan bagi mendapat kaedah yang terbaik dalam memastikan bayaran kolej kediaman yang dikenakan kepada pelajar adalah bersesuaian mengikut tempoh pelajar menginap di kolej kediaman bagi sesi Mac-Julai 2020.

6. Sehubungan itu, Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti Bil. 13/2020 bertarikh 6 Mei 2020 telah meluluskan kadar bayaran kolej kediaman secara khas bagi sesi Mac-Julai 2020.

PELAKSANAAN

7. Hasil keputusan mesyuarat tersebut, pihak Universiti bersetuju untuk mengenakan bayaran kolej kediaman secara khas bagi sesi Mac-Julai 2020 sebanyak RM7.50 sehari selama 22 malam bermula 24 Februari 2020 hingga 17 Mac 2020 menjadikan kadar bayaran sepanjang tempoh tersebut sebanyak RM165.00.

8. Bagi pelajar yang telah membuat bayaran tersebut, proses pemulangan semula baki akan dilaksanakan setelah ditolak dengan kadar bayaran kolej kediaman secara khas sebanyak RM165.00. Manakala, bagi pelajar yang masih belum menjelaskan bayaran tersebut, bil bayaran kolej kediaman sedia ada akan dibatalkan dan bil bayaran kolej kediaman secara khas yang baharu akan dijana.

9. Namun begitu, kadar bayaran kolej kediaman secara khas ini tidak terpakai kepada:

9.1 pelajar yang telah diluluskan pengecualian bayaran kolej berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan ke-141 bertarikh 10 Januari 2005 dan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan ke-190 bertarikh 30 April 2014; dan

9.2 pelajar yang mengikuti pengajian Asasi di Pusat Asasi, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Dengkil.

10. Sebarang kelulusan dan pindaan mengenai perkara ini adalah tertakluk kepada pertimbangan dan budi bicara pihak Universiti dari semasa ke semasa.

TARIKH DIKELUARKAN

11. Pekeliling ini dikeluarkan pada 19 Mei 2020.

TARIKH KUAT KUASA

12. Pekeliling ini mula berkuat kuasa pada 19 Mei 2020.

PEMAKAIAN

13. Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua pelajar Universiti Teknologi MARA (kecuali pelajar Pusat Asasi) yang mendapat kemudahan kolej kediaman bagi sesi Mac-Julai 2020.

14. Kadar bayaran kolej kediaman secara khas ini hanya tertakluk bagi sesi Mac-Julai 2020 sahaja. Kadar sedia ada terpakai semula bagi sesi berikutnya atau pada mana-mana sesi yang akan dimaklumkan kemudian dari semasa ke semasa.



PROF. DR. AZIZAN ABDULLAH
Timbalan Naib Canselor (HEP)

Dikelilingkan Kepada:

Rektor Kampus Cawangan
Pengarah Pembangunan Pelajar
Timbalan Pendaftar Kanan (HEP)
Timbalan Bendahari Kanan, Bahagian Pengurusan Kewangan Pelajar
Ketua Unit Kemudahan Kolej
Pengetua Kolej Kediaman
Pengurus Asrama Kolej Kediaman
YDP Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)
YDP Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK)
Semua Warga UiTM

Bil. Fail : 100-HEP(UKK 6/5)
No Siri : 100-HEP(PT.6/5) Bil. 9